

## 'Sanggupkah PM Lee berkhidmat 10 tahun lagi?'

**Nur Adilah Mahbob**  
**Berita Harian**, 4 July 2015

PERDANA Menteri Lee Hsien Loong kalau boleh enggan kekal memegang jawatannya selama 10 tahun lagi.

"Saya lebih suka tidak berbuat demikian."

"Tugas ini memerlukan orang muda, orang yang bertenaga, orang yang boleh bersama anda dan boleh berhubung dengan orang muda dan boleh sama berjuang dengan mereka, bukan selama lima tahun atau 10 tahun sahaja, bahkan 20, 30, 40 tahun lagi," ujar Encik Lee.

Beliau berkata demikian dalam acara dialog sempena pembukaan Sidang SG50+ anjuran **Institut Pengajian Dasar** (IPS) dan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS).

Seorang peserta dialog bertanya apakah Encik Lee boleh mempertimbangkan kekal 10 tahun lagi memegang jawatannya.

Peserta itu, yang berasal dari Belgium dan sudah bermastautin di Singapura selama 20 tahun, berkata Singapura beruntung mempunyai pemimpin seperti Encik Lee dan memerlukan pemimpin sepertinya lagi.

Menjawab soalan pengerusi dialog, wartawan Dr Fareed Zakaria, mengenai orang muda di Singapura pula, Encik Lee berkata politik di Singapura akan berubah mengikut generasi baru yang mempunyai aspirasi berbeza.

"Lihat isu yang mereka perjuangkan. Ada yang perjuangkan isu keagamaan, ada yang perjuangkan isu kehijauan, ada yang perjuangkan isu sosial dan macam-macam lagi."

"Mereka harus mencari pemimpin yang boleh menggembung secukup tenaga bagi membentuk teras yang boleh memimpin negara dan menggembung majoriti untuk menyokong sistem itu agar ia terus berjalan," ujar Encik Lee.

Ditanya apakah beliau bimbang anak muda akan meninggalkan Singapura dengan bermastautin di negara lain, Encik Lee akur ramai anak muda hari ini berpendidikan tinggi dan mempunyai lebih banyak pilihan.

Beliau berkata orang muda akan kekal di Singapura jika mereka percaya mereka boleh membangunkan aspirasi dan kerjaya mereka serta ingin membina keluarga mereka di sini.

Meskipun kebanyakan anak muda Singapura hari tidak melalui masa sukar seperti yang dilalui generasi lalu, Encik Lee berkata mereka memiliki azam mahu berjaya dan meningkatkan kehidupan mereka.

Cabarannya adalah menyedarkan anak muda tentang hakikat bahawa Singapura kekal mudah terjejas dengan pelbagai ancaman.

Sidang SG50+ ialah sebahagian daripada sambutan Jubli Emas negara anjuran NUS, juga bersempena sambutan ulang tahun NUS yang ke-110.

Bertemakan 'Singapura pada Usia 50 tahun: Apakah Cabaran Masa Depannya?', sidang dua hari yang berakhir semalam itu menampilkan beberapa ceramah dan dialog yang mengupas pelbagai aspek masa depan Singapura.